

05/08/2003

Detik sebelum dan selepas Malik menakluk Selat Inggeris

12.15 malam - Abdul Malik Mydin mengambil wuduk dan sembahyang sunat di bilik 235, Hotel Premiere Lodge, Dover.

12.45 malam - Turun ke lobi di hotel dan bersalaman dengan beberapa penyokong yang menunggu. Berjalan ke marina Dover dengan jurulatih John Van Wisse dan beberapa penyokong termasuk Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di United Kingdom, Datuk Kamaruddin Mohd Noor.

1.30 pagi - Tiba di marina Dover yang terletak kira-kira 1km dari hotel penginapan dan menaiki bot Aegean Blue bersama Van Wisse, ahli jawatankuasa Persekutuan Renang dan Pengemudian Selat (CSPF), Freeda Streeter dan Setiausaha Kehormat CSPF, Michael Oram ke pantai Abbot Cliff. Mula terasa 'mabuk laut' dan meminta supaya segera menyapukan gris pada badannya.

1.36 pagi - Menerima panggilan telefon daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mendoakan kejayaannya.

2.00 pagi - Terjun ke laut dan berenang ke kawasan pantai Abbot Cliff.

2.08 pagi - Dalam kegelapan malam, terdengar siren menandakan bermula renangan Malik untuk merentasi Selat Inggeris. Suhu air ketika itu ialah 16 darjah Celsius.

3 pagi - Dalam tempoh 52 minit, pengurus media Rahayu Ahmad memaklumkan Malik sudah berenang sejauh 3.2 kilometer.

4 pagi - Kedengaran suara Van Wisse meniup semangat kepada Malik terutama ketika memberikan makanan setiap 20 minit.

5 pagi - Mega matahari mula bersinar dari arah Timur. Dalam samar-samar, terdengar percikan air kuakan renangan Malik.

8 pagi - Rahayu memaklumkan Malik sudah melepasi separuh jarak renangan (16km) dengan purata kelajuan 2.2 kilometer

8 pagi - 9.45 pagi - Malik memasuki zon berkabus tebal. Satu fenomena biasa di Selat Inggeris, menurut kata pengemudi bot ketiga yang membawa rombongan media. Purata renangan ketika ini 1.5 hingga 2 kilometer sejam.

10 pagi - Bebas dari zon berkabus dan Malik diberikan mesej oleh Rahayu bahawa Dr Mahathir menghubunginya kali kedua untuk mengetahui perkembangan terakhir sambil terus mendoakan kejayaannya.

10.30 pagi - Renangan kembali konsisten dan Freeda terus memberikan galakan. Seorang perenang tempatan yang dilatih CSPF, turun ke laut berenang dan membantu Malik meningkatkan tempo renangannya.

1.00 tengah hari - Dari jauh, ternampak pantai Calais, menandakan Malik semakin menghampiri sasarannya.

2 petang - Malik dimaklumkan Van Wisse dia semakin hampir. Begitupun, keadaan air yang mula surut menyebabkan Malik terpaksa menempuh arus. Tiupan angin pula datang dari arah Utara atau kiri Malik menyebabkan sesekali ombak besar melandanya.

5 petang - Dia masih lagi melawan arus dan selepas kira-kira 3 kilometer dari Cap Gris Nez, haluan bot diubah menuju ke pantai Le Petit Blanc Nez. Malik masih berusaha berenang walaupun hanya sedikit berubah.

6 petang - Malik terus mencuba tetapi ombak terus menghanyutkannya ke arah laut. Malik hanya berada kira-kira 1.5km dari pantai sebelum haluan diubah pula ke pantai Wissant yang terletak di antara Cap Gris Nez dan Le Petit Blanc Nez.

7 malam - Malik hanya berada kira-kira 1km dari pantai tetapi haluan ke arah pantai Wissant semakin mudah.

7.40 malam - Malik hanya berada kira-kira 200 meter dari pantai tetapi

dia tersasar dari haluannya. Van Wisse membuka baju dan terjun untuk berenang bersama-sama Malik bagi menunjuk arah Calais.

7.50 malam - Malik berjalan ke pantai sambil disambut dengan tepukan sekumpulan kecil penyokong yang datang. Kedengaran siren penamat berbunyi dari bot Aegean Blue.

8 malam - Menaiki bot untuk pulang ke Dover

11.15 malam - Tiba di pelabuhan Dover dan disambut sekumpulan penyokong termasuk Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat.

12.20 malam - Perdana Menteri menghubungi untuk mengucapkan tahniah.